



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)**  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
(Ministry Of Science, Technology and Innovation)  
Batu 24, Jalan Dengkil,  
43800, Dengkil, Selangor



30 Mei 2018  
Notis Pemberitahuan AELB  
Bil. 02/2018

**PEMANSUHAN KAWALAN SECARA LESEN TERHADAP  
AKTIVITI PENJUALAN *TENDERING***

**TUJUAN**

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan mengenai pemansuhan kawalan perundangan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) terhadap aktiviti penjualan *tendering*.

**LATAR BELAKANG**

2. Merujuk kepada subseksyen 12(1)(b), Akta 304, tiada seorang pun boleh berurusan dengan, memiliki atau melupus apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran, melainkan jika dia adalah pemegang suatu lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah subseksyen 16 (5) Akta 304. Berdasarkan kajian semula hasil pemerhatian Jabatan LPTA berkenaan aktiviti penjualan *tendering*, adalah didapati bahawa aktiviti ini tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan di bawah subseksyen 12(1)(b) Akta 304 yang memerlukan mekanisme perlesenan dilaksanakan kepada pemohon.

3. Hal ini adalah disebabkan, pihak yang berurusan dengan aktiviti penjualan *tendering* hanya melaksanakan urusan pentadbiran tanpa berurusan secara langsung

dengan, memiliki atau melupus apa-apa bahan radioaktif, bahan nuklear, benda ditetapkan atau radas penyinaran. Bagi tujuan penilaian kewajaran aktiviti kawalseliaan dan fasilitasi keperluan perlesenan terhadap aktiviti ini, jabatan LPTA telah melaksanakan semakan semula terhadap mekanisma kawalseliaan sedia ada iaitu secara pelesenan.

## **KEPUTUSAN DAN ARAHAN AELB**

4. Jabatan LPTA dengan ini menetapkan bahawa aktiviti penjualan tendering adalah tidak tertakluk kepada keperluan lesen di bawah Akta 304. Sehubungan itu, sebarang notis atau panduan teknikal berkenaan aktiviti tendering adalah turut dimansuhkan.

## **PENGUATKUASAAN ARAHAN**

5. Penetapan ini berkuatkuasa mulai **1 Jun 2018**.

## **PENUTUP**

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah.

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
Batu 24, Jalan Dengkil  
43800 Dengkil, Selangor  
No. Tel : +603-89225888  
No. Faks : +603-89223685  
E-mel : [mnr-customer@aelb.gov.my](mailto:mnr-customer@aelb.gov.my)  
Laman Web : [wwwaelb.gov.my](http://wwwaelb.gov.my)